

Pendidikan Silang Budaya Dalam Sistem Persekolahan Di Malaysia: Peranan Kaunselor Sekolah

Sharifah Nur Abu¹, Kamarul Arifin Mohamad Azhar²

¹ Politeknik Merlimau, Melaka, 77300 Merlimau Melaka
E-mail: nurwiratie@edidik.edu.my

² Sekolah Menengah Kebangsaan Tun syed Zahirudin, Air Tawar, 77300 Merlimau Melaka
E-mail: sumurtujuh@gmail.com

Abstrak

Iklim masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum telah mencipta kebudayaan yang pelbagai (*multi-cultural*) dan pencapaian negara hari ini yang bergerak seiring dengan pembangunan globalisasi turut menyumbang lebih banyak pengaruh dalam kebudayaan Malaysia. Justeru untuk melahirkan masyarakat majmuk yang hidup bersama dalam tanahair mereka, bidang pendidikan negara memainkan peranan penting ke arah menyediakan satu sistem pendidikan yang berorientasi dengan pemahaman silang budaya (*cross-cultural*). Perbincangan tentang silang budaya ini dalam ruang lingkup pendidikan di sekolah akan mengkaji sejarahnya, peruntukan-peruntukan yang berkaitan, pengamalan masa kini serta keperluan dan cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk mewujudkan suasana para pelajar dan warga pendidik menyedari bahawa mereka terdiri dari tahap pendidikan dan budaya yang berbeza. Guru Kaunselor di sekolah perlu mengambil peranan yang pro aktif bagi menjayakan pendidikan silang budaya di sekolah dengan melaksanakan beberapa aktiviti yang dicadangkan.

Kata Kunci : Pendidikan, Silang Budaya, Sistem Persekolahan, Peranan Kaunselor, cadangan pementapan

Abstract

The climate of Malaysian society consisting of various races has created a diverse culture (multi-cultural) and the country's achievements today that move in tandem with the development of globalization also contribute more influence in Malaysian culture. Therefore, in order to produce a pluralistic society that lives together in their homeland, the field of national education plays an important role towards providing an education system that is oriented with cross-cultural understanding. This debate about cross-culturalism in the scope of education at school will examine its history, relevant provisions, current practices as well as the needs and suggestions for improvements that can be made to create an atmosphere where students and educators realize that they are made up of a level of education and culture that different. Teacher Counselors in schools need to take a pro-active role to make cross-cultural education successful in schools by implementing some suggested activities.

Keyword: Education, Cross Culture, School System, Counselor Role, strengthening recommendations

I. PENGENALAN

Pendidikan silang budaya dalam sistem persekolahan di Malaysia merupakan satu pendekatan penting yang bertujuan untuk memupuk kefahaman, toleransi, dan keharmonian dalam kalangan pelajar dari pelbagai latar belakang etnik dan budaya. Dalam konteks masyarakat yang berbilang kaum seperti Malaysia, pendidikan silang budaya memainkan peranan utama dalam membina perpaduan dan mengurangkan prasangka antara kaum (Noraini Omar, 2015) [11]. Melalui kurikulum yang inklusif dan aktiviti kokurikulum

yang menyeluruh, sistem pendidikan ini berusaha untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk berinteraksi secara efektif dalam masyarakat yang pelbagai. Menurut Jingyu Lyu (2023) [5] strategi dan pengintegrasian kurikulum penting untuk menyediakan pelajar yang boleh berinteraksi dengan baik dalam dunia global.

Isu silang budaya agak kurang diberi perhatian khusus dalam sistem pendidikan pada masa kini. Oleh itu kajian mengenainya juga kurang dijalankan di Malaysia, tidak banyak kajian lepas

yang sampai kepada umum untuk rujukan, pembacaan dan sebagainya. Ghazali Basri (2006) [4], juga berpendapat bahawa pendidikan silang budaya ini jarang diberi perhatian oleh ahli pendidik. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui sejauh mana pendidikan silang budaya ini diterapkan dalam diri para pelajar di Malaysia khususnya melalui sistem pendidikan awal di sekolah.

Pentingnya pengkajian pendidikan silang budaya di sekolah kerana kita perlu memberi pendedahan dan penekanan awal kepada pelajar akan pendidikan silang budaya memandangkan pelajar merupakan modal insan yang akan meneruskan pendidikan di peringkat yang lebih tinggi samada di Kolej Komuniti, Politeknik, Institut Pengajian Tinggi Awam mahupun Swasta, di dalam negara ataupun di luar negara. Menurut Amrita Kaur, et. al. (2017) [1]. Sekiranya pelajar telah diterapkan dengan pendidikan silang budaya sedari sekolah, maka ianya tidak menjadi sukar untuk diaplikasikan apabila mereka meneruskan pengajian diperingkat yang lebih tinggi dan keluar kepada masyarakat.

Institusi pendidikan di Malaysia yang dikawalselia oleh Kementerian Pendidikan khasnya kini perlu melakukan perubahan yang berterusan bagi mengekalkan keberkesanannya. Oleh itu, sistem pendidikan menuntut pemimpin sekolah dan guru lebih bersikap adaptif, bekerja secara efektif, sentiasa meningkatkan kemajuan sekolah, berfokus kepada kebajikan dan kemajuan pelajar dan berkongsi matlamat untuk memajukan sekolah dan meningkatkan tahap pendidikan di Malaysia (Azam Othman & Norbaiduri Ruslan (2020) [2]. Guru-guru juga perlu meningkatkan kemahiran berkomunikasi bagi memudahkan mereka berinteraksi sesama guru dan pelajar (Azam Othman & Norbaiduri Ruslan (2020) [2].

Fenomena silang budaya ini terus berlaku walau di mana kita berada dan ia memberi kesan dari segi perhubungan sosio budaya. Dewasa ini Malaysia menerima banyak kunjungan warga asing yang datang ke Malaysia samada untuk bekerja atau melancong dan ada setengahnya terus menetap di sini. Kehadiran mereka banyak mewarnai sosio budaya masyarakat tempatan. Ada yang menerima mereka dengan hati yang terbuka dan cuba untuk mempelajari dan memahami budaya mereka dan ada

yang kurang senang dengan kehadiran para migrasi ini ke Malaysia.

Masyarakat di Malaysia yang sudah berbilang kaum ini juga mempunyai pertelingkahan yang tersendiri. Jika dilihat dalam pelbagai aspek budaya, samada sedar atau tidak terdapat beberapa diskriminasi dalam masyarakat di Malaysia. Isu silang budaya ini sepatutnya diterap sedari kecil lagi. Sekurang-kurangnya generasi akan datang yang bakal lahir melalui sistem pendidikan awal di sekolah sudah mempersiapkan minda untuk menerima hakikat perubahan yang berlaku di dalam Negara khususnya dan di luar Negara umumnya.

II. SOROTAN LITERATUR

A. Definisi Istilah

Pendidikan dalam bahasa inggeris '*education*' berasal dari bahasa latin '*educare*' yang merupakan gabungan kata '*e*' yang bermaksud 'keluar' dan '*ducere*' bermaksud 'pemimpin' atau 'menarik'. Oleh itu pendidikan bermaksud sebagai upaya untuk menarik atau membimbing anak agar seluruh potensi diri dapat keluar atau terealisasi. Definisi Pendidikan bermaksud perihal atau perbuatan mendidik (Kamus Dewan, 1996) [6]. Manakala maksud pendidikan menurut falsafah adalah satu proses memanusikan manusia, iaitu proses memupuk dan meningkatkan kesedaran dalam diri manusia (*conscientization*) tentang fizikal dan metafizikal (Tuhan, manusia dan alam). Pendidikan juga boleh didefinisikan sebagai perihal atau perbuatan mendidik anak-anak cacat yang memerlukan kesabaran dan kesungguhan.

Manakala Silang Budaya Sosiologi bermaksud sesuatu yang berkaitan dengan perbandingan atau pertembungan antara dua atau lebih budaya yang berlainan (Kamus Dewan, 1996) [6]. Menurut Yuankun Yao (2009) [16], *multicultural* atau silang budaya sebagai keterangan sifat dan keadaan atau ciri-ciri sosial yang wujud apabila komuniti yang terdiri daripada pelbagai budaya hidup bersama-sama dengan berkongsi pelbagai sumber, tetapi pada masa yang sama cuba mengekalkan keunikan identiti masing-masing.

Menurut Tilaar (2004) [15] pula menyatakan "...multikultural adalah suatu risiko yang perlu diambil dalam membina masyarakat bangsa. Atas konsep inilah akan diambil keputusan-keputusan yang rasional, demokratik, faham pengembangan liberalisme yang tepat, adanya

kebebasan beragama dan beribadah sesuai dengan keyakinannya membangun nasionalisme baru serta tekad untuk membangun suatu dunia yang bebas dari kemiskinan serta pengakuan terhadap hak asasi semua manusia”

Oleh itu, silang budaya boleh difahami sebagai mencari persamaan dalam titik perbezaan yang wujud di antara satu sama lain. Ia merupakan suatu hakikat yang wujud dalam masyarakat sehingga memerlukan setiap ahli masyarakat mengambil langkah untuk saling mengenali dan menyesuaikan diri antara satu sama lain. Manakala Pendidikan Silang Budaya dapat disimpulkan satu usaha mendidik dan membina kesedaran dalam membina persefahaman di kalangan masyarakat yang berbilang kaum.

B. Sejarah Perkembangan Sistem Pendidikan Malaysia

Kita menyorot catatan sejarah bahawa pendidikan di Malaysia pada peringkat awal khususnya ketika zaman sebelum pendudukan British tidak mengalami isu pertembungan budaya kerana ketika itu hanya satu sistem pendidikan yang wujud di kalangan masyarakat Melayu yang menjurus kepada pengajian agama secara tidak formal di surau-surau atau masjid. Bagaimanapun sistem pendidikan tunggal itu mula berkembang menjadi satu sistem sekolah pondok seterusnya institusi yang dikenali sebagai madrasah. Sistem pendidikan di Malaysia amat berkait rapat dengan perkembangan politik tanahair kerana ianya bergerak seiring dan menjadi keutamaan. Justeru dasar-dasar kerajaan yang berkaitan juga perlu dibahaskan secara bersama untuk menjelaskan isu silang budaya yang berlaku dalam sejarah perkembangan sistem pendidikan di Malaysia.

i. Sebelum Merdeka

Sistem pendidikan sebelum zaman kemerdekaan dapat kita bahagikan kepada dua peringkat yang utama iaitu sebelum dan selepas pendudukan British. Sebagaimana yang kita maklum bahawa sebelum pendudukan British isu silang budaya dalam sistem pendidikan ketika itu tidak timbul sama sekali sehinggalah pihak British mula mengambil perhatian terhadap pendidikan negeri-negeri dalam jajahan mereka. Pihak British mula memperkenalkan sistem persekolahan vernakular yang terdiri daripada sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina dan sekolah vernakular Tamil (Yasmin Ahmad, 2010) [17]. Selain itu terdapat satu lagi sistem pendidikan yang dikenali

sebagai sekolah Inggeris. Sistem ini adalah untuk memenuhi keperluan penduduk asal masyarakat Melayu dan para migrasi dari China dan India yang dibawa masuk oleh British.

Apa yang menjadi perbincangan di sini ialah setiap sekolah tersebut mempunyai identiti masing-masing yang menjadi titik tolak berlakunya pertembungan budaya dalam sistem pendidikan negara. Malahan setiap sekolah tersebut menggunakan bahasa pengantar yang berlainan di antara satu sama lain dalam sistem pendidikan mereka. Di antara keempat-empat sistem pendidikan yang ada pada masa tersebut, sekolah vernakular Melayu merupakan yang pertama mengalami transformasi apabila satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Winstedt mengemukakan cadangan-cadangan untuk memperbaiki sistem vernakular Melayu di Tanah Melayu.

ii. Selepas Kemerdekaan

Sistem pendidikan awal kemerdekaan adalah berlandaskan usul-usul yang dicadangkan dalam Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Apa yang dapat kita perhatikan bahawa kedua-dua laporan ini mencadangkan satu sistem pendidikan untuk perpaduan negara. Antara petikan dalam Laporan Razak yang mencadangkan perpaduan dipupuk menyatakan; “menyatukan budak-budak dari semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama” (perenggan 12, Penyata Razak 1956). Di dalam laporan yang sama juga mencadangkan perpaduan antara kaum diwujudkan melalui sistem pendidikan dengan cara; “menyamakan sukatan pelajaran semua sekolah” (perenggan 115, Penyata Razak 1956).

Dua asas utama yang menjadi panduan untuk mencapai matlamat perpaduan negara dalam Penyata Razak ialah usaha mewujudkan sistem persekolahan yang sama untuk semua rakyat berbilang kaum dan menggubal satu kurikulum sekolah yang sama kandungannya serta bercorak kebangsaan. Cadangan-cadangan ini dilihat sebagai usaha awal yang boleh dijadikan dasar kepada pendidikan silang budaya pada hari ini.

Walaupun usul-usul telah dibentangkan dan diterima namun perincian tentang cara pelaksanaan untuk menjamin pencapaian matlamat

perpaduan melalui sistem pendidikan masih kurang jelas. Ini membawa kepada penubuhan sebuah lagi Jawatankuasa Penyemak Pelajaran yang bertujuan mengkaji pelaksanaan dan polisi pendidikan kebangsaan sebagaimana yang telah dicadangkan dalam Laporan Razak. Jawatankuasa tersebut telah menghasilkan beberapa usul cadangan sebagai penambahbaikan yang kemudiannya dikenali pula sebagai Laporan Rahman Talib 1960. Laporan ini telah dibentangkan di Parlimen dan diluluskan yang kemudiannya dikuatkuasakan sebagai Akta Pendidikan 1961.

Jika dikaji dengan teliti dapat kita perhatikan bahawa cadangan yang terkandung dalam Laporan Rahman Talib telah menunjukkan kecenderungan dan keazaman kerajaan untuk membentuk satu Sistem Pendidikan Kebangsaan bertujuan memupuk semangat perpaduan di antara rakyat berbilang kaum. Antara matlamat utama dalam pelaksanaan polisi pendidikan negara adalah untuk menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar di semua sekolah dalam negara. Di peringkat ini telah wujud usaha pendidikan ke arah silang budaya apabila sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar khasnya sekolah cina dan tamil mula dipujuk untuk menggunapakai bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan. Pada peringkat ini sekolah-sekolah di Malaya terdiri daripada Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan bagi peringkat rendah. Manakala bagi sekolah menengah terdiri daripada Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan. Manakala sekolah-sekolah yang enggan menerima pakai bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar menjadi Sekolah Menengah Persendirian. Malahan usaha ini dilihat sebagai serius apabila para pelajar dari sekolah cina dan sekolah tamil akan melalui satu sistem penilaian peperiksaan yang hanya menggunapakai bahasa kebangsaan apabila mereka memasuki sekolah menengah. [8], [11]

Perkembangan ini terus bergerak selari dengan perubahan arus sosio politik tanahair yang kemudiannya telah melalui beberapa lagi tahap perubahan yang menjadi asas pendidikan masa kini seperti memperkenalkan lima Prinsip Rukun Negara dan pelaksanaan rancangan pendidikan di bawah Rancangan Malaysia Pertama yang memperkenalkan Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Vokasional. Perkembangan sistem pendidikan negara kemudiannya terus

bergerak demi mencapai matlamat negara khususnya dalam bidang perpaduan yang melibatkan keperluan untuk memenuhi tuntutan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Perubahan-perubahan dan perkembangan ini jelas dipengaruhi oleh faktor *multi-cultural* sebagaimana yang dicatatkan dalam sejarah pendidikan yang antaranya menyebutkan tragedi 13 Mei turut memberi kesan dalam sistem pendidikan negara.

Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 terus melihat perkembangan sistem pendidikan masih menitikberatkan isu perpaduan akibat pertembungan budaya. Antara usaha-usaha yang dapat dilihat ialah dengan memperkenalkan sistem Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) diikuti Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM). Dasar pendidikan negara menjadi semakin jelas dalam isu *multi-cultural* melalui penguatkuasaan Falsafah Pendidikan Negara yang menzahirkan hasrat melahirkan rakyat Malaysia berbilang kaum yang harmoni, sempurna dan seimbang. Ini dapat kita perhatikan melalui penguatkuasaan sistem sekolah menengah satu aliran iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan.

Penambahbaikan dari masa ke semasa selari dengan dasar-dasar kerajaan terus dilakukan demi mencapai matlamat yang telah lama direncanakan untuk rakyat Malaysia. Konsep sekolah Bestari misalnya dilihat mendokong dasar Wawasan 2020 dan Falsafah Pendidikan Negara. Pada ketika ini kerajaan juga telah menukarkan nama jenis sekolah rendah Sekolah Rendah Kebangsaan SRK, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan SRJK (C) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan SRJK (T) kepada SK, SJK (C) dan SJK (T). Penubuhan Sekolah Wawasan yang menggabungkan SK, SJK (C) dan SJK (T) dilihat sebagai usaha drastik ke arah menyelesaikan isu silang budaya yang akan kita bahaskan kemudian. Perkembangan yang positif ini telah berterusan sehingga masa kini ketika negara di bawah pimpinan Perdana Menteri YAB Dato' Seri Najib apabila memperkenalkan prinsip Satu Malaysia yang bertujuan memperkukuhkan kelestarian perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang kemudiannya turut melibatkan sistem pendidikan negara. Maka dapat kita simpulkan bahawa isu silang budaya sentiasa diberi perhatian dalam sistem pendidikan dari masa ke semasa sehingga hari ini. [10]

III. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, analisis kandungan dan kajian perpustakaan untuk mendapatkan maklumat. Kajian perpustakaan digunakan untuk mengumpul data-data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Data-data diperolehi daripada daripada bahan-bahan ilmiah seperti jurnal, buku, dokumen dan disertasi yang berkaitan dengan kajian.

IV. ULASAN DAN PERBINCANGAN

A. Keperluan Pendidikan Silang Budaya di Malaysia

Pendidikan silang budaya di Malaysia adalah satu keperluan yang perlu ditingkatkan dan diketengahkan dalam sistem pendidikan Negara kita. Kepentingan kenegaraan dan politik yang diberi perhatian dalam *multiculturalism*, prinsip dan amalan ini boleh digunakan untuk membentuk jati diri sesebuah masyarakat berdasarkan identiti penduduk setempat. Oleh kerana bidang pendidikan merupakan penentu kepada *survival* masa depan sesebuah negara, justeru adalah wajar prinsip ini diterjemahkan ke dalam sistem pendidikan nasional.

Menerusi pendidikan, manusia yang dididik mempunyai tabi'inya, iaitu sentiasa tumbuh dan membesar. Pertumbuhan ini berlangsung dalam alam sekeliling yang tertentu dengan mempunyai perbezaan dari segi lokasi, masa dan situasi. Dalam interaksi dengan persekitaran inilah kanak-kanak mempelajari sesuatu tingkah laku dengan meniru perlakuan daripada lingkungannya dan akhirnya individu tersebut mampu pula membentuk corak kelakuan dan budaya hidup yang kompleks. Pendidikan merupakan salah satu egen pewarisan budaya. Menerusi peranan ini, pendidikan telah menyampaikan pelbagai ilmu dan menanamkan pelbagai nilai dan kemahiran hidup seperti yang terkandung dalam kurikulum pendidikan. Dalam sejarah umat manusia sebelum zaman moden, semua corak pendidikan yang diamalkan merupakan pendidikan budaya.

Sehubungan itu, penerimaan dan penggunaan prinsip *multiculturalism* dalam proses pendidikan di sekolah pada hari ini ternyata amat diperlukan. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan pembinaan negara bangsa Malaysia, maka pola dan tahap interaksi sosial serta kefahaman budaya antara pelajar sekolah perlu diteliti dan diperkembangkan.

Pada masa yang sama, fungsi guru dan bahan pengajaran yang digunakan dalam memberikan pendedahan mengenai prinsip *multiculturalism* juga perlu diberikan perhatian sewajarnya bagi merealisasikan FPK. [10]

Penerapan amalan silang budaya dalam sistem pendidikan negara khasnya dalam proses pengajaran & pembelajaran dan persekitaran bilik darjah. Kedua-dua aspek berkenaan perlu dirancang dengan teliti kerana guru perlu menentukan bentuk-bentuk sosio budaya yang hendak diterapkan melalui bahan-bahan pengajaran yang digunakan. Proses perancangan ini akan melibatkan perkara-perkara seperti mengenal pasti latar belakang diri, keperluan, pengetahuan pelajar serta kemahiran yang hendak disampaikan. Seterusnya, guru perlu menentukan objektif pengajaran, isi pelajaran, bahan pengajaran, tajuk, aktiviti dan alat bantu mengajar yang sesuai (Mohd. Jonit Mohd. Johari & Abdul Rashid Ali, 1993) [7].

Keberkesanan kurikulum yang sedia ada dalam meningkatkan tahap pemahaman pelajar sekolah terhadap ciri-ciri dan amalan budaya yang pelbagai di negara ini demi mencapai perpaduan yang lebih jitu. Guru-guru harus menggunakan kebijaksanaan dalam menjayakan kurikulum agar tidak memaksa atau mempengaruhi cara berfikir seseorang dalam pengajaran kerana nilai serta kepercayaan masyarakat akan berkembang, berubah mengikut masa, tempat, dan pendidikan. Perlu disadari bahawa dalam situasi masyarakat majmuk, budaya yang dimiliki juga adalah majmuk. Justeru, bahan pengajaran termasuk buku-buku teks perlu lebih berupaya menonjolkan dengan tepat pola budaya yang *heterogenous* di negara ini.

Keupayaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan menghadapi *survival heterogeniti* masyarakat dan pelajar di negara ini. Dengan memperkasakan bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat majmuk, kefahaman dan kesedaran terhadap kepentingan kebudayaan kebangsaan akan dapat diterapkan dalam sistem, falsafah dan kurikulum pendidikan nasional.

Selain itu, penelitian terhadap perkembangan dan fenomena sosial di sekolah amat penting bagi menentukan hala tuju dan perancangan dasar yang lebih praktikal dalam sistem pendidikan nasional. Kemasukan nilai dan budaya yang pelbagai dari luar lingkungan masyarakat majmuk pada hari ini menjadikan kesedaran dan fahaman

terhadap kepelbagaian budaya ini lebih penting. Tanpa kesefahaman dan toleransi, generasi muda akan menjadi terasing dan terpinggir dalam kepelbagaian nilai dan budaya tersebut. Sebaliknya, dengan adanya saling faham dan celik budaya, satu landasan ke arah pembentukan masyarakat majmuk yang bersatu dan saling menghormati akan tercapai. Pada masa yang sama, pemahaman umum terhadap kefahaman dan penerimaan pelbagai ciri budaya asing di negara ini akan dapat ditingkatkan dan menjadi lebih signifikan. Ini amat sesuai dalam konteks kedudukan negara ini yang mempunyai suku kaum dan latar belakang budaya yang rencam.

Keperluan pendidikan silang budaya di Malaysia mempunyai kaitan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Dengan adanya FPK, maka sistem pendidikan negara sebenarnya menganjakkan diri ke kedudukan terkehadapan dengan mengungkapkan secara jelas prinsip dan nilai asas yang mendasari dan membentuk sistem pendidikan Malaysia daripada peringkat yang paling rendah hingga kepada peringkat tertinggi iaitu universiti. FPK menjelaskan tujuan dan matlamat pendidikan untuk individu dan negara. Kedua-dua tujuan selaras, iaitu untuk melahirkan insan yang berilmu, berakhlak mulia dan bertanggungjawab yang juga akan menjadi seorang warganegara yang baik. Pendidikan merupakan proses asas dan utama untuk pembinaan insan yang baik, seimbang dan bersepadu yang secara langsung merupakan saluran utama dan yang paling penting untuk menjayakan cita-cita negara.

B. Pendidikan Silang Budaya di Malaysia

Melalui perbincangan yang lalu dapat kita buat kesimpulan bahawa isu silang budaya sudah diberi perhatian dalam sistem pendidikan sejak Malaysia mula menerima kedatangan penjajah dan para migrasi dari China dan India. Namun pendidikan silang budaya masih boleh dipertingkatkan dengan lebih baik dan berkesan dalam sistem pendidikan negara di sekolah khususnya dengan melibatkan semua pihak yang terlibat secara proaktif.

i. Silang Budaya Dalam Sistem Pendidikan Negara

Di kalangan Negara-negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik seperti Amerika Syarikat, England, Switzerland, Belanda, India, Indonesia, Australia termasuk Malaysia sendiri sentiasa menghadapi pelbagai cabaran serta kesulitan dalam usaha mengintegrasikan rakyatnya. Keadaan ini akan menjadi semakin sukar dan rumit

jika setiap kumpulan etnik mahu mengekalkan identiti masing-masing dan tidak mahu menerima satu identiti nasional yang dapat mewujudkan perpaduan antara pelbagai kumpulan etnik.

Masalah pola interaksi sosial akan menjadi lebih rumit jika anggota masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik tidak mengenali antara satu sama lain kerana terpisah oleh perbezaan ciri asas atau *primordial*, seperti agama, bahasa, budaya, dan ekonomi, politik, wilayah dan pengalaman sejarah. Ciri-ciri perbezaan yang ketidaksamaan ini menjadi penghalang utama dalam proses pembinaan pola integrasi sosial dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik (Najeemah Mohd Yusof, 2005). [8]

Selain itu, tuntutan-tuntutan kaum cina terhadap penggunaan bahasa ibunda serta pengkalan sekolah-sekolah jenis kebangsaan, tidak berapa lama dulu soal pendidikan silang budaya ditimbulkan. Isu ini tentunya menimbulkan pelbagai reaksi terutamanya kaum melayu (Ghazali Basri, 2006) [4]. Walaubagaimanapun perkara ini perlu diselidik dan difahami secara objektif dan rasional agar semua pihak dapat manfaatnya.

Jika dilihat dalam falsafah pendidikan Negara sendiri ada menyatakan salah satu daripadanya ialah kepercayaan kepada tuhan. Kepercayaan ini adalah bergantung kepada agama yang di anut oleh sesuatu kaum tersebut. Falsafah pendidikan Negara adalah seperti berikut: "*Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan untuk lebih memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berkecakupan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta dapat menyumbang terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.*" (Tajul Ariffin & Mohd Sani Ibrahim, 2007). [14]

Sufean Hussin (2008) [13] pula menyatakan, penerapan prinsip multiculturalism di Malaysia telah bermula sejak Laporan Barnes (1951) dan Laporan Fen-Wu (1951) yang masing-masing mengesyorkan agar: "...*matlamat pendidikan dasar hendaklah membentuk satu rupa*

bangsa yang berasaskan pelbagai kaum”, dan “...dasar pendidikan Malaya hendaklah ditujukan kepada matlamat membina warganegara Malaya... menyediakan kanak-kanak untuk menempuh segala bidang kehidupan berdasarkan latar belakang kehidupan masyarakat Malaya” (Federation of Malaya:1951)

Sementara itu, dalam Ordinan Pendidikan 1952 telah dinyatakan bahawa matlamat pendidikan akan tercapai melalui pembentukan sekolah berbagai-bagai kaum yang bercorak kebangsaan dengan berorientasikan kehidupan di Malaya untuk kanak-kanak semua kaum dengan bahasa pengantar adalah bahasa rasmi, iaitu bahasa Melayu dan Inggeris di samping bahasa ibunda di sekolah vernakular Cina dan Tamil.

Penegasan ini telah menjadi batu loncatan kepada reformasi pendidikan kebangsaan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pendidikan pada tahun 1955 melalui Laporan Razak 1956. Laporan 1956 ini telah menyebut bahawa: “...tujuan dasar pendidikan dalam negara ini adalah untuk menyatukan budak-budak daripada semua bangsa dalam negara ini dengan menggunakan satu peraturan pendidikan yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dengan cara beransur-ansur” .

Laporan ini secara jelas mencadangkan pembentukan sebuah sistem pendidikan kebangsaan yang boleh diterima oleh segenap rakyat. Bahasa Melayu perlu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan Persekutuan, namun ternyata bahasa dan budaya kaum-kaum lain dalam masyarakat Persekutuan Malaya tidak dipinggirkan sebaliknya diberi galakan untuk terus berkembang (Federation of Malaya,1956). Penerimaan prinsip multiculturalism dalam sistem pendidikan negara ternyata lebih terarah kepada pembinaan warganegara yang taat setia, berjiwa Malaysia dan bersatu padu. [13]

Dalam Akta Pendidikan (1961), telah dinyatakan dengan jelas prinsip yang berkaitan dengan multiculturalism khususnya menerusi Perkara (v), iaitu : “... sistem pendidikan itu menepati prinsip bahawa kanak-kanak dididik sejajar dengan kehendak ibu bapa mereka yang berbilang kaum, agama dan budaya... atas dasar demokrasi pendidikan dan pengekalan budaya etnik masing-masing kaum yang ada dalam masyarakat majmuk di negara ini.”

Dasar Ekonomi Baru (DEB), penerapan Rukun Negara ke dalam sistem pendidikan di sekolah, dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) Pengenalan kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada 1983 dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) pada 1989 yang diikuti dengan Wawasan 2020 sehinggalah kini Kempen 1Malaysia.

Pendidikan pelbagai budaya ialah penstrukturan keutamaan pendidikan, komitmen dan proses refleksi tentang masyarakat pelbagai budaya seperti di Malaysia. Keutamaan pendidikan selalunya memberi fokus kepada pembangunan dan memelihara kesedaran tentang pelbagai budaya seperti yang direfleksikan oleh individu, kumpulan dan komuniti. Pendidik perlu peka dan komited dalam memahami konsep perbezaan budaya seperti yang dipersepsikan melalui etnik dan kehidupan kumpulan pelbagai budaya. Keperluan pelbagai budaya dalam pendidikan dilihat daripada dimensi yang pelbagai, iaitu perhubungan antara murid, guru, komuniti dan ibu bapa, dan perhubungan interpersonal dan intrapersonal yang berpusat kepada proses pendidikan.

Najeemah Mohd Yusof (2005) [8], dalam kajiannya mengenai pendidikan silang budaya dibilik darjah dipraktikkan atau tidak oleh guru, kajian tersebut telah dijalankan di empat buah sekolah menengah kebangsaan di Kedah. Dapatan kajian menunjukkan guru kurang mempraktikkan pendidikan pelbagai budaya di sekolah. Sebanyak lima puluh perkara diutarakan oleh guru mengapa mereka kurang mempraktikkan pendidikan pelbagai budaya di sekolah, antaranya ialah pertama guru tidak tahu atau faham dengan apa yang dikatakan pendidikan silang budaya dan guru tidak tahu menggunakan cara yang efektif untuk mengajar pendidikan silang budaya secara berkesan. Selain itu, guru tidak diberi motivasi atau digalakkan untuk mempraktikkan pendidikan silang budaya dan guru tidak sedar tanggungjawab mereka sebagai seorang pendidik bagi menggunakan cara yang lebih berkesan dalam mengajar pendidikan silang budaya di sekolah dan sebagainya.

ii. Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pengantar

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa bahasa Melayu merupakan satu-satunya bahasa yang digunapakai dan mempunyai kedudukan yang tertinggi sebelum pendudukan British dalam semua aspek termasuk pentadbiran dan pendidikan. Pendudukan British di Tanah Melayu memberi

kesan besar terhadap penggunaan bahasa. Selepas perang dunia kedua pihak British telah memperkenalkan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan. Walaupun pada awalnya sistem tersebut diterima namun masyarakat tempatan mulai sedar betapa nilai bahasa ibunda perlu dikekalkan sebagai jati diri warna negara ini.

Impak tersebut semakin dirasai apabila dasar membawa masuk buruh dari China dan India secara besar-besaran telah mewarnai kepelbagaian bahasa di kalangan masyarakat. Kepelbagaian bahasa ini telah menyebabkan lahirnya sekolah yang berbagai aliran terdiri daripada sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina, sekolah vernakular Tamil dan sekolah Inggeris yang menggunakan bahasa pengantar berbeza. Setiap sekolah pula menerapkan identiti masing-masing sehingga pertembungan budaya ini menimbulkan kebimbangan di kalangan pemimpin negara pada ketika itu. Perkara ini dapat kita perhatikan amat diberi perhatian dalam laporan-laporan jawatankuasa yang dibentuk untuk mengkaji sistem pendidikan Malaysia seperti Penyata Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1960 dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979.

Langkah-langkah proaktif mula diperkenalkan untuk mengelakkan pertembungan budaya menjadi satu perkara yang merugikan kepada negara. Oleh itu satu sistem pendidikan dirangka untuk menggunakan satu bahasa dan memperkenalkannya sebagai bahasa kebangsaan. Bahasa Melayu telah dipilih sebagai bahasa Kebangsaan untuk mengekalkan jati diri masyarakat asal Malaysia. Laporan Razak 1956 telah mencadangkan agar bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara. Usaha ini dilihat mencapai kejayaan apabila bahasa Melayu dapat diterimapakai dalam pengajaran di sekolah-sekolah termasuk sekolah jenis kebangsaan. Peralihan secara beransur-ansur ini semakin berjaya apabila Akta Bahasa Kebangsaan 1967 yang diluluskan di Dewan Rakyat yang menetapkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi yang tunggal. Kementerian Pelajaran mulai tahun 1968 mula mengambil langkah menjadikan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah kerajaan. [10]

Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan turut terkesan apabila semua matapelajaran diajar dalam Bahasa Malaysia kecuali matapelajaran Bahasa Inggeris dan matapelajaran Bahasa Ibunda yang

menggunakan bahasa asing. Kesan terbesar yang dapat kita perhatikan atas kejayaan dasar ini apabila semua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan SRJK ditukar kepada Sekolah Rendah Jenis SRJ mulai tahun 1975 dan semua Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan SMJK ditukar kepada Sekolah Menengah Kebangsaan SMK pada tahun 1982. Seiring dengan itu sistem penilaian pendidikan di sekolah-sekolah turut membawa perubahan selari dengan dasar Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah. Peperiksaan yang menggunakan bahasa Inggeris mula digantikan dengan peperiksaan yang menggunakan bahasa Malaysia misalnya mulai tahun 1978 peperiksaan LCE dimansuhkan dan diganti dengan SRP, pada tahun 1980 peperiksaan MCE dimansuhkan dan diganti dengan peperiksaan SPM manakala mulai tahun 1982 peperiksaan HSC dimansuhkan dan diganti dengan peperiksaan STPM. Semua perubahan ini kekal sehingga sekarang kecuali SRP yang ditukarkan kepada peperiksaan PMR. [10]

iii. Sekolah Wawasan

Sekolah wawasan diwujudkan sebagai pemangkin untuk mencapai wawasan 2020. Konsep Sekolah Wawasan ialah usaha melahirkan anak bangsa Malaysia yang lebih bersifat cintakan negara dengan menyatukan sekolah dalam satu sistem pendidikan yang seragam yang dahulunya terasing antara satu sama lain untuk mewujudkan satu pertembungan etnik dalam satu ruang yang sama.

Objektif utama pengwujudan sekolah wawasan ialah untuk melahirkan anak bangsa Malaysia yang lebih bersifat cintakan negara. Sekolah wawasan yang dicernakan oleh Perdana Menteri mampu menjadikan pemangkin dalam merealisasikan impian wawasan 2020 (Azizi Yahaya, Amir Hamzah Abdul & Sanif bin Sapaat, t.th) [3]. Sekolah Wawasan ialah sekolah yang dahulunya terasing antara satu sama lain kini disatukan dalam satu sistem pendidikan yang seragam.

Apabila anak Melayu, Cina, India dan kaum lain dapat berinteraksi sejak peringkat awal persekolahan sudah tentu akan lahir satu generasi Malaysia yang bersifat pelbagai budaya. Pada masa ini, orang Melayu mampu menguasai budaya bangsa lain. Begitu juga kaum lain, sudah tentu sifat kekitaan yang pernah berlaku pada 13 Mei 1969 tidak akan lahir lagi dalam diri rakyat Malaysia.

Jika diteliti Penyata Razak 1956 yang mana menyebutkan; tujuan dasar pelajaran di dalam negara ini ialah bermaksud hendak menyatukan murid-murid daripada semua bangsa di dalam negara ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penghantar (Nik Azis Nik Pa & Noraini Ahmad, 2008). [10]

Walau bagaimanapun perkara ini tidak dapat dilaksanakan dengan serta merta melainkan hendaklah dilaksanakan dengan “beransur-ansur”. Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa sistem pendidikan di Malaysia adalah satu kaedah untuk mengekalkan perpaduan di kalangan kaum.

Sekolah Wawasan yang menempatkan tiga aliran sekolah yang berbeza di dalam sebuah kawasan akan membolehkan pelajar-pelajar SRJK menguasai bahasa Melayu. Ini kerana penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar SRJK agak lemah dan dengan adanya interaksi pelajar pelbagai keturunan ini membuka ruang seluas-luasnya untuk mereka berkomunikasi menggunakan bahasa kebangsaan. Dalam masa yang sama pula, membolehkan pelajar memahami budaya, bahasa serta pemikiran rakannya daripada kaum lain.

V. PERANAN KAUNSELOR SEKOLAH

Kaunseling dilihat bukan setakat membantu insan malah dapat memberi kesejahteraan kepada insan. Sekiranya kaunseling hendak dilaksanakan dengan berkesan, wajarlah bagi seorang kaunselor itu melaksanakan secara profesional berpandukan kepada etika dan tatacara yang boleh menjamin kesejahteraan kliennya (Sapora Sipon, 2000). [12]

Berdasarkan teks di atas dapat diketahui kaunseling merupakan salah satu cabang yang boleh digunakan oleh pihak sekolah sebagai alternatif untuk mengembangkan pendidikan silang budaya secara tidak langsung atau langsung. Dengan berkonsepkan membantu insan tidak kira samada berlainan bangsa, bahasa, etnik, sosio ekonomi dan sebagainya. Berikut merupakan cadangan-cadangan yang boleh dilaksanakan untuk mengembangkan lagi pengetahuan dan pemahaman mengenai kepelbagaian budaya:

1. Pendidikan silang budaya perlu diterapkan di dalam sistem pendidikan nasional bukan hanya di ajar secara tidak langsung. Latihan guru juga perlu supaya lebih mampu untuk melahirkan

kalangan guru yang bukan sahaja berbakat dalam pengajaran akademik tetapi juga berbakat dalam pendidikan kebudayaan di sekolah.

2. Anjurkan program pertukaran pelajar antara sekolah-sekolah di kawasan bandar dan luar bandar, atau antara sekolah-sekolah yang mempunyai komposisi etnik yang berbeza.
3. Libatkan ibu bapa dalam aktiviti sekolah yang berkaitan dengan budaya, seperti mengadakan bengkel masakan tradisional atau pameran kraftangan.
4. Setiap guru perlu diberi input awal mengenai pendidikan silang budaya agar boleh diterapkan dan disampaikan kepada pelajar. Guru yang dilahirkan juga seharusnya mempunyai kemahiran tinggi dalam mendedahkan pelajar secara sistematik mengenai kebudayaan sama ada kebudayaan kebangsaan, kebudayaan suku kaum atau kebudayaan antarabangsa.
5. Gunakan video, dokumentari, dan bahan multimedia lain yang memperkenalkan pelbagai budaya kepada pelajar. Pihak perlu mempunyai kesedaran terhadap kepelbagaian budaya yang ada di Malaysia.
6. Laksanakan sistem pemantauan dan penilaian untuk menilai keberkesanan program pendidikan silang budaya di sekolah.
7. Kementerian Pendidikan perlu merumuskan polisi yang jelas dan tegas mengenai pentingnya pendidikan silang budaya di sekolah-sekolah.

Walau bagaimanapun, sebelum melaksanakan pendidikan *multicultural* beberapa aspek dasar perlu diteliti dan diberikan perhatian sewajarnya. Antaranya keupayaan guru memilih strategi dan bahan pengajaran yang terbaik untuk meningkatkan penerimaan terhadap pelbagai ciri budaya dalam kalangan pelajar. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini, aspek bahasa yang meliputi dikusi, ayat sehinggalah wacana yang digunakan oleh guru dan murid ketika berkomunikasi seharusnya menepati perspektif, amalan dan konsep *multiculturalism*.

VI. RUMUSA

Perjalanan untuk memakmurkan dan mewujudkan kesejahteraan masyarakat pelbagai budaya ini akan sentiasa bersimpang siur antara keharmonian, kestabilan dan ketengangan, konflik dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sejarah Malaysia telah membuktikan pandangan dan pesimis tentang perhubungan etnik di Malaysia tidak mewakili realiti sosial yang sebenar. Namun begitu, hubungan

ini tidaklah seoptimis seperti yang digambarkan ketika insiden 13 Mei 1969, kampung rawa, dan kampung medan. Oleh itu penting bagi ahli masyarakat faham mengenai kepelbagaian budaya yang terdapat di Malaysia. Salah satu daripada usaha yang boleh dilakukan ialah mewujudkan pendidikan silang budaya di peringkat sekolah.

Pendidikan merupakan sebuah pelaburan penting dalam sesebuah Negara. Halatuju Negara bergantung kepada pencapaian sistem pendidikan Negara. Segala kualiti generasi masa depan sebahagian besarnya terletak di tangan guru. Bangsa Malaysia bukan bermakna bercirikan khusus kepada fizikal, ia berbentuk kesatuan dalam pemikiran, tindakan dan psikologi. Saling bantu-membantu dan bekerjasama dalam setiap aspek. Contohnya seperti "Apabila melihat satu kemalangan berlaku, apakah kita akan bertanyakan mangsanya Melayu, Cina atau India?" Jawapannya adalah tidak. Kita perlu menghulurkan bantuan dan melupakan sempadan kaum dan agama. Kita membantu atas dasar kemanusiaan, satu bangsa iaitu bangsa Malaysia.

Kepelbagaian budaya bukanlah suatu fahaman yang begitu asing dalam interaksi sosial manusia khususnya dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Dengan wujudnya gelombang globalisasi dan dunia tanpa sempadan, prinsip kebersamaan, saling menghormati dan toleransi perlu diperkemas semula dengan perspektif yang lebih menyeluruh. Dengan menerapkan multiculturalisme ke dalam sistem pendidikan, hasrat untuk memperkukuhkan lagi Falsafah Pendidikan Kebangsaan akan boleh dicapai. Di samping itu, kurikulum yang telah direncana dan diamalkan sebelum ini juga dapat diuji dan dinilai semula keupayaannya bagi melahirkan generasi muda yang berperwatakan negara bangsa Malaysia.

Pendidikan Silang Budaya perlu diterapkan sedari dari kecil lagi agar tidak berlaku masalah stereotaip, salah tanggapan terhadap budaya lain dan sebagainya. Menurut perspektif Islam setiap manusia perlu berkenal-kenalan antara satu sama lain tidak kira berbeza bangsa, bahasa, warna kulit dan sebagainya. Pendidikan Silang Budaya juga boleh membantu pelajar memahami budayanya sendiri dan juga budaya bangsa lain.

Selain itu, semua pihak daripada pelbagai golongan masyarakat perlu berganding bahu bagi memastikan kemakmuran dan keamanan yang dikecapi kini berkekalan. Oleh itu, pembinaan sikap

toleransi dan pemahaman mengenai budaya diri sendiri seterusnya budaya orang lain harus diterapkan sedari kecil lagi. Semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam hal ini, bermula daripada didikan ibu bapa di rumah, para guru di sekolah, para pensyarah di Universiti sehinggalah ke peringkat yang lebih besar iaitu kerajaan dan masyarakat.

PENGHARGAAN



Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberi sumbangan idea dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- [1] A. Kaur, R. Awang-Hashim and M. Noman. Defining Intercultural Education for Social Cohesion in Malaysian Context. *International Journal of Multicultural Education*, 19(2), 44–60. <https://doi.org/10.18251/ijme.v19i2.1337>. (2017).
- [2] A. Othman and N. Ruslan. Intercultural communication experiences among students and teachers: implication to in-service teacher professional development. *Journal for Multicultural Education* [10.1108/JME-04-2020-0024](https://doi.org/10.1108/JME-04-2020-0024). 2020.
- [3] A. Yahaya, A. Hamzah Abdul and S. Sapaat. T.th. *Sekolah Wawasan: Sejauh manakah Ia Mampu Melahirkan Generasi Bersatu padu di Masa Akan datang*. T.tp.
- [4] G. Basri. Pendidikan Silang Budaya Menurut Perspektif Islam: Satu Perbincangan Awal. *Jurnal Pendidikan Islam*. Jil. 10. Bil 3: 1-14. 2006.
- [5] J. Lyu. Cultivating Cross-Cultural Competence in Students. *SHS Web of Conferences* 187, 04006. 2024
- [6] Kamus Dewan. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1996.
- [7] M. J. Mohd. Johari and Abdul Rashid Ali. unsur sosiobudaya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dlm. Adnan Kamis (pnyt.). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: pandangan dan maklumbalas*, hlm.105-118. Bangi: Penerbit UKM. 1993.
- [8] N. Mohd Yusof. *Multicultural Education*

- Practice Among Teachers In National Secondary Schools: A Case Study In Kedah. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jil. 20,97-111. 2005.
- [9] N. Mohd Yusof. Pola Interaksi Sosial Dalam Kalangan Murid Pelbagai Etnik Di Sekolah menengah Kebangsaan Sekitar Sungai Petani, Kedah. Tesis Doktor Falsafah. T.tp. 2005.
- [10] N. A. Nik Pa and N.Idris. *Perjuangan Memperkasakan Pendidikan di Malaysia Pengalaman 50 Tahun Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn Bhd. 2008.
- [11] N. Omar, M. A. Che Noh, M. I. Hamzah and L. Abdul Majid Multicultural Education Practice in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 174:1941-1948. [10.1016/j.sbspro.2015.01.859](https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.01.859). 2015.
- [12] S. Sipon. Ulasan Buku: Kaunseling Untuk Kesejahteraan Insan- Satu Pengalaman di Malaysia oleh: Abdul Halim Othman. *Jurnal PERKAMA* 8: 175-181. 2000.
- [13] S. Hussin. *Pendidikan di Malaysia : sejarah sistem dan falsafah / Sufean Hussin*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. ISBN 9789836281722. 2008.
- [14] T. A. Noordin and M. S. Ibrahim. *Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru dlm Profesion Perguruan*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2007.
- [15] Tilaar, H.A.R. Paradigma Baru Pendidikan Nasional. Digital Library of State University of Malang Jakarta. 2004.
- [16] Y. Yao, D. L. Buchanan, I. J. Chang, Ann Powell-Brown and Uzziel H. Pecina. Differe Drummers: International Perspectives on Multicultural Education. *International Journal of Multicultural Education*. Vol. 11, No. 2: 1-17. 2009.
- [17] Y. Ahmad and N. Mohd Yusof. Ethnic Boundary among Students in Malaysian Primary Schools and Social Interaction: A Conceptual Framework. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 7:82–91 December 2010 7:82–91.2010.
- [18] Z. Berlian and M. Huda. Reflecting Culturally Responsive and Communicative Teaching (CRCT) through Partnership Commitment. *Educ. Sci.* **2022**, 12,295. <https://doi.org/10.3390/educsci12050295>. 2022.

MAKLUMAT PENULIS

<p>Penulis Pertama: Sharifah Nur Abu</p> 	<p>Politeknik Merlimau, Melaka. 77300 Merlimau Melaka, Malaysia.</p> <p>E-mail: nurwiraie@edidik.edu.my</p>
<p>Penulis Kedua: Kamarul Arifin Mohamad Azhar</p> 	<p>Sekolah Menengah Kebangsaan Tun syed Zahirudin, 77300 Merlimau Melaka, Malaysia</p> <p>E-mail: sumurtujuh@gmail.com</p>